
BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD**NOTA AMALAN 11****PEMBERIAN BANTUAN KEWANGAN**

Perincian	Rujukan Silang	
Tarikh kuat kuasa:	1 Julai 2001	Perenggan 8.23
Tarikh semakan:	3 Ogos 2009, 27 Januari 2015, 13 Julai 2015	

1.0 Pengenalan

1.1 Perenggan 8.23 Kehendak-Kehendak Penyenaraian memperuntukkan bahawa penerbit tersenarai atau subsidiarinya yang tidak disenaraikan di mana-mana bursa saham boleh memberi pinjam atau membuat pendahuluan apa-apa wang atau menjamin, menanggung rugi atau memberikan kolateral bagi suatu hutang ("**pemberian bantuan kewangan**") kepada kategori orang yang dinyatakan dalam perenggan 8.23(1)(i) hingga (iii). Salah satu kategori orang itu ialah yang berikut:

"(ii) orang yang pemberian bantuan kewangan itu kepadanya -

(aa) adalah perlu untuk memudahkan perjalanan biasa perniagaan penerbit tersenarai atau subsidiarinya; atau

(bb) adalah menurut perjalanan biasa perniagaan penerbit tersenarai atau subsidiarinya;

seperti pemberian pendahuluan kepada subkontraktornya atau pendahuluan yang dibuat kepada klien dalam perjalanan biasa perniagaan pemberian pinjamannya;"

1.2 Nota Amalan ini memperuntukkan mengenai yang berikut:

(a) pengklasifikasian kehendak tertentu di bawah perenggan 8.23 Kehendak-Kehendak Penyenaraian ("**Kehendak-Kehendak**"); dan

(b) obligasi penzahiran penerbit tersenarai dalam memberikan bantuan kewangan menurut perenggan 8.23 (1)(ii) Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

1.3 Nota Amalan ini mesti dibaca berhubung dengan perenggan 8.23 Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

2.0 Penjelasan Kehendak-Kehendak

2.1 Penjelasan yang berikut terpakai bagi maksud perenggan 8.23(1)(ii) Kehendak-Kehendak Penyenaraian:

2.1.1 Penjalanan biasa perniagaan

Suatu transaksi dalam "penjalanan biasa perniagaan" ertinya transaksi yang semunasabahnya dijangka dijalankan oleh penerbit tersenarai dan subsidiarinya mengikut perniagaan tertentu yang penerbit tersenarai dan subsidiarinya terlibat. Hakikat bahawa transaksi itu dibayangkan dalam memorandum persatuan penerbit tersenarai dan subsidiarinya bukanlah faktor muktamad penentuan.

Sebagai contoh, berkenaan dengan penerbit tersenarai yang terlibat dalam aktiviti perkilangan ("**Syarikat Perkilangan**"), transaksi yang berikut, yang sama sekali tidak lengkap, dianggap dalam penjalanan biasa perniagaan Syarikat Perkilangan:

- (a) pembelian bahan dan bekalan bagi aktiviti perkilangannya;
- (b) penjualan produk sama ada secara langsung atau melalui pengedar yang dilantik;
- (c) pembelian dan/atau pemajakan mesin, peralatan, kenderaan dan alat ganti untuk operasi dan bekalan pejabatnya;
- (d) rawatan dan pelupusan sisa daripada loji-loji; dan
- (e) pembinaan loji dan/atau kemudahan infrastruktur lain untuk operasinya.

2.1.2 Keperluan untuk memudahkan

Dalam menentukan perkara yang menjadi "perlu untuk memudahkan penjalanan biasa perniagaan", penerbit tersenarai mesti mengambil kira sama ada pemberian bantuan kewangan adalah penting bagi penerbit tersenarai atau subsidiarinya yang membuat, meneruskan dan/atau menyelesaikan sesuatu transaksi sehingga setakat yang sekiranya bantuan kewangan itu tidak diberikan, ia akan menyebabkan penerbit tersenarai atau subsidiarinya tidak dapat membuat, meneruskan dan/atau menyelesaikan transaksi itu.

Contoh apa yang perlu untuk memudahkan penjalanan biasa perniagaan, yang sama sekali tidak lengkap, adalah seperti yang berikut:

- (a) pemberian jaminan korporat atau bon prestasi kepada pihak ketiga yang memihak kepada kontraktor utama supaya penerbit tersenarai mendapat pekerjaan sebagai sub-kontraktor; dan
- (b) pemberian pendahuluan atau kolateral kepada atau yang memihak kepada sub-kontraktor penerbit tersenarai untuk membolehkan mereka memulakan dan/atau menyelesaikan kerja untuk penerbit tersenarai.

2.2 Langganan atau perolehan sekuriti hutang dan/atau syer keutamaan boleh tebus yang dikawal selia di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan tertakluk kepada pengawasan oleh SC, Bank Negara Malaysia atau pihak berkuasa kawal selia asing yang setara sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bursa, oleh penerbit tersenarai atau subsidiarinya yang tidak disenaraikan di mana-mana bursa saham, tidak dianggap sebagai pemberian bantuan kewangan bagi maksud perenggan 8.23 Kehendak-Kehendak Penyenaraian. Walau bagaimanapun, jika langganan atau perolehan itu ialah suatu transaksi pihak yang berkaitan, penerbit tersenarai mesti mematuhi perenggan 10.08 Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

3.0 Obligasi penzahiran

3.1 Penerbit tersenarai mesti mengumumkan bantuan kewangan yang diberikan atau dibuat oleh penerbit tersenarai tersebut atau subsidiarinya yang tidak disenaraikan di mana-mana bursa saham menurut perenggan 8.23(1)(ii) Kehendak-Kehendak Penyenaraian bagi setiap suku tahun kewangannya, jika ada, serentak dengan laporan suku tahunannya menurut perenggan 9.22 Kehendak-Kehendak Penyenaraian dan dalam apa-apa keadaan tidak lewat daripada 2 bulan selepas berakhir setiap suku tahun kewangan. Penerbit tersenarai mesti memasukkan dalam pengumumannya maklumat yang dinyatakan dalam Lampiran PN11-A.

3.2 Perenggan 3.1 di atas tidak terpakai bagi pemberian bantuan kewangan berkenaan dengan perniagaan pembiayaan syer, pembiayaan margin syer atau sewa beli yang dijalankan oleh penerbit tersenarai atau subsidiarinya yang tidak disenaraikan di mana-mana bursa saham dalam perjalanan biasa perniagaan, atau apa-apa perniagaan lain yang serupa yang ditentukan oleh Bursa.

3.3 Jika penerbit tersenarai dan/atau subsidiarinya meminjamkan atau mendahulukan wang dalam perjalanan biasa perniagaannya sebagai pemberi pinjaman wang menurut perenggan 8.23(1)(ii) Kehendak-Kehendak Penyenaraian, penerbit tersenarai mesti memasukkan dalam pengumumannya yang disebut dalam perenggan 3.1 di atas maklumat yang ditetapkan di bawah Lampiran 8D Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

Lampiran PN11-A
Kandungan pengumuman bagi pemberian bantuan kewangan

LAMPIRAN PN11-A

Kandungan pengumuman berhubung dengan pemberian bantuan kewangan
(perenggan 3.1)

- (1) Amaun agregat bantuan kewangan yang diberikan semasa suku tahun pelaporan mengikut jenis (iaitu pendahuluan, jaminan dsb.)
- (2) Impak kewangan bagi bantuan kewangan yang diberikan, kepada penerbit tersenarai sebagai suatu kumpulan.

[Lampiran Tamat]